

KULIAH 1: KONSEP SASTERA

- Pengenalan kepada konsep Kesusasteraan
- Hubungan sastera dan manusia.

Apa itu **SASTERA**?

- Bahasa Sanskrit iaitu “*castra*” dan disebut “*syastra*” membawa erti kitab suci.
- Satu bidang ***seni kreatif***
- Kesusasteraan - kesenian persuratan yang bersifat halus dan indah (Ali Ahmad; 1994:4).

'SASTERA' dari sudut Bahasa

- S - Seni Bahasa
- A - Akaliah.
- S - Sensitiviti
- T - Tersurat dan Tersirat
- E - Estetika
- R - Realiti
- A - Alternatif / Pelepasan Minda

- Mengungkapkan unsur ***akaliah – ilmu*** indah sifatnya.
- Sesuatu hasil sastra merupakan perutusan, amanat, serta lontaran idea penulis untuk dikongsi bersama oleh khalayak pembacanya.

- Gabungan daya rasa (***sensori***) atau ***sensitiviti*** .
- Karya sastra berhasil meninggalkan kesan perasaan kepada khalayaknya.
- Mewujudkan pelbagai rasa ; rasa simpati, benci, marah atau geram terhadap fenomena yang dipaparkan.


- ***Makna Tersurat dan tersirat.***
- Pemahaman berdasarkan imej-imej atau simbol yang diungkapkan melalui unsur bahasa .
- Wujud kepelbagaian makna; makna simbolik di sebalik kata-kata tertentu sehingga berhasil meningkatkan nilai karya itu sendiri.

- ***Estetika.***
- Nilai estetika ini relatif sifatnya.
- Nilai keindahan dalam karya wujud secara bersepadu dengan unsur-unsur lain.


- Sastera merupakan manifestasi penulisnya.
- Fenomena dan persoalan-persoalan yang dipaparkan dalam karya sastera merupakan ***realiti kehidupan masyarakatnya*** (Usman Awang:1987).
- “sastera sebagai cerminan masyarakat” - refleksi kehidupan sebenar manusia atau fenomena sekitarnya yang diterjemahkan secara halus dan berhemah oleh penulisnya.

- ***Alat pelepasan nilai rasa dan jerit naluri*** kehidupan manusia sejagat (A.Samad Said;1996).
- Sastera bukan milik peribadi seniman atau penyair bahkan sastera adalah milik manusia sejagat yang menjadi asas untuk merasa memiliki.

BENTUK DAN GENRE KESUSASTERAAN MELAYU



GENRE KESUSASTERAAN MELAYU MODEN



Sekian, terima kasih